



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

BULETIN ICAN

**UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023**

**PROGRAM “UNITE FOR HUMANITY” MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UITM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UITM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

Program "Unite for Humanity"

Menggalakkan Semangat Generasi Muda menjadi Ahli Sukarelawan

SITI AISHAH MOHD SHAFIE, NOOREZATTY MOHD YUSOP, NURALINA AZLAN & NOR AKMAL MD NOH

Cabaran generasi muda kini melibatkan banyak aspek kehidupan yang perlu dipertimbangkan agar mereka dapat berjaya dan mempertahankan kehidupan yang seimbang dan bermakna. Beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh generasi muda hari ini termasuklah masalah kesihatan mental, pengangguran dan ketidaketeraturan ekonomi, serta pengaruh teknologi dan media sosial dalam keseimbangan hidup. Maka, generasi muda masa kini perlu mengembangkan kemahiran seperti pemikiran kritis, keupayaan mengelola emosi, keterampilan berkomunikasi dan beradaptasi, serta memupuk hasrat untuk belajar dan berinovasi. Generasi muda, khususnya di kalangan mahasiswa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sebuah negara. Mereka merupakan harapan untuk masa depan yang lebih baik dan menjadi tanggungjawab masyarakat untuk memupuk dan memperkuatkannya nilai-nilai positif di kalangan anak muda ini. Penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti sukarelawan adalah kunci dalam membentuk generasi pemimpin yang memiliki jiwa kebijakan dan kesedaran sosial yang tinggi. Sehubungan itu, pada 19 Disember 2022, program "Unite for Humanity" telah dianjurkan bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang mampu berbakti kepada masyarakat setempat walau dalam apa jua keadaan negara dengan sifat-sifat toleransi, kasih sayang dan kepimpinan yang baik.

Program "Unite for Humanity" anjuran Kokurikulum Khidmat Masyarakat II UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah dijalankan di Dewan Tok Puan Sungai Ujong 1, Pusat Kegiatan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Program yang bermula pada jam 8.00 malam berlangsung hampir selama tiga jam ini mendapat sambutan memberangsangkan dari mahasiswa kampus walaupun kebanyakannya dari mahasiswa sudah letih dengan rutin harian di siang hari. Sesi perkongsian tentang aktiviti sukarelawan ini telah disampaikan oleh Pegawai Tugas Khas Wisma Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dari Unit Program, Dakwah dan Kesukarelawan, Encik Muhammad Fazli Bin Othman. Beliau pernah bersekolah di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan dan meneruskan pengajian Pra-Universiti ke Pengajian Usuludin dan Bahasa Melayu pada tahun 2016 di sekolah yang sama. Beliau adalah alumni Universiti Sains Islam Malaysia yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan dimana beliau memulakan Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian pada tahun 2017 dan menamatkannya pada tahun 2021. Beliau kemudian menyambung pengajian dalam Diploma Pendidikan Pasca Siswazah Islam pada tahun 2022 di universiti yang sama dan menamatkan pengajiannya setahun kemudian.

Encik Muhammad Fazli Bin Othman mempunyai pengalaman yang luas dalam berdakwah di samping memberi bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan samada di Malaysia atau di luar negara. Pada tahun 2018, beliau adalah salah seorang yang menjayakan program Majlis Perasmian empat buah masjid Pasca Bencana di Palu, Sulawesi Tengah, Indonesia di mana masjid-masjid tersebut telah musnah akibat bencana gempa bumi dan tsunami yang melanda

Indonesia pada tahun 2014 dan masjid-masjid itu telah dibina semula hasil sumbangan rakyat Malaysia. Beliau juga merupakan salah seorang panel Halaqah Al-Ummah anjuran Ummah Prima Network dan terlibat dalam Misi Bencana Banjir Domestik pada tahun 2021 hingga 2022. Selain itu, beliau berpengalaman sebagai pembentang Isu Semasa Umat Islam Peringkat Wisma MAPIM Malaysia mengenai Isu Kemanusiaan Afghanistan. Program ini adalah antara usaha universiti untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab mahasiswa terhadap komuniti sejagat. Penglibatan mereka dalam kerja-kerja sukarelawan dan khidmat masyarakat bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tempatan, tetapi juga membantu dalam perkembangan diri yang akan membawa kesan positif dalam masyarakat secara keseluruhannya. Aktiviti sukarelawan membantu membentuk karakter dan nilai-nilai positif dalam diri mahasiswa. Mereka mempelajari tentang kerjasama, kebertanggungjawaban, empati, dan integriti melalui pengalaman berkhidmat kepada orang lain. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan boleh membantu mengembangkan pelbagai kemahiran, termasuk kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, pengurusan masa, dan kepimpinan. Maka perkongsian lengkap dan padat dari kelebihan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang cemerlang dari Encik Muhammad Fazli Bin Othman dapat membantu mahasiswa memahami dan menghayati maksud sebenar "Unite for Humanity" dengan lebih tepat.

Hasil daripada maklumbalas yang diterima dari mahasiswa yang menyertai program ini terhadap tahap kompetensi kemahiran insaniah (KI) menunjukkan bahawa kebanyakan mereka memberi skala baik dan sangat baik pada semua item yang dinilai. Manakala, keseluruhan mahasiswa bersetuju bahawa program ini menyumbang kepada kemahiran insaniah (KI) di dalam diri mahasiswa. Di samping itu, mahasiswa juga telah memberikan skala baik dan sangat baik bagi item penilaian pelaksanaan aktiviti yang menunjukkan bahawa program ini berjaya dijalankan dengan baik dan lancar. Walaubagaimanapun, sejauh mana program ini akan berjaya bergantung pada kesinambungan semangat sukarelawan yang berjaya diterapkan di dalam diri di kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban itu sendiri seperti kata pepatah, tepuk dada tanya hati. Justeru itu, mahasiswa sendiri yang mampu menerapkan sifat kesukarelawan di dalam hati mereka di mana kita sebagai sebahagian komuniti hanya mampu menyuntik semangat kesukarelawan melalui program-program yang diadakan. Semoga program seumpama ini akan terus diadakan di masa akan datang dan berjaya melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab dan prihatin di dalam masyarakat setempat.



Pendaftaran mahasiswa ke Program "Unite for Humanity"



Program "Unite for Humanity" sedang berlangsung



Sesi bergambar bersama Penceramah jemputan dan Mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

The poster features the logos of Universiti Teknologi MARA (UiTM) and SULAM (Service Learning Malaysia). It includes a target icon and the text "PROGRAM UNITE FOR HUMANITY". Key details listed are: TARIKH : 19 DISEMBER 2022 (ISHIN), WAKTU : 8:00 MALAM hingga 11:00 MALAM, LOKASI : DEWAN TPSU 1, PUSAT KEGIATAN PELAJAR, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN. The poster also highlights the speaker (Engku Muhammad Faizl bin Othman), a special guest (KUPON KOLEJ DISEDIAKAN UNTUK PELAJAR), and a donation box (TABUNG SUMBANGAN IKHLAS TURUT DISEDIAKAN). It concludes by stating that the program is organized by the Service Learning Unit of UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Poster Hebahan Program "Unite for Humanity"